

# RANCANGAN PERNIAGAAN

ETR 300

PENTERNAKAN BELUT SECARA KOMERSIL

EEL WORLD

DISEDIAKAN UNTUK :

EN. KHAIRUL ANWAR B. SUBARI

PENSYARAH ETR 300

DISEDIAKAN OLEH :

MUHD. HAIRUL AZMAN B. ABAS 95641654

SYAZRIE ADLEY B. NOR AZMAN 94450485

MOHD SUKRI B. ISMAIL 95222730

HASHIM B. SAAD 95425783

DIPLOMA IN SCIENCE 05 - A\B

## ISI KANDUNGAN

SURAT PENYERAHAN	i
PENGHARGAAN	v
MUQADDIMAH	vii
SINOPSIS	viii
LATAR BELAKANG PROJEK	xi
TUJUAN	xii
SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN	xiii
LOGO SYARIKAT	xvii
LATAR BELAKANG SYARIKAT	xix
LATAR BELAKANG PEMILIK	xx
RANCANGAN ORGANISASI	1
RANCANGAN PEMASARAN	12
RANCANGAN OPERASI	22
RANCANGAN KEWANGAN	34
RUMUSAN	70
LAMPIRAN	73

## SINOPSIS PROJEK

### PENGENALAN

Belut atau nama saintifiknya Anguilla sp. Merupakan sejenis ikan yang mempunyai pelbagai khasiat. Dari segi fizikalnya, belut merupakan sejenis ikan yang tahan lasak, mampu hidup di kawasan yang kering dan kurang daripada 0.1 % bekalan makanan selama lebih daripada tiga bulan.

Daya tahannya yang luar biasa itu menyebabkan belut bukan hanya sukar untuk diperolehi malahan struktur badannya yang licin itu memudahkan ia melepaskan diri dari ditangkap. Namun, kini belut dapat diternak sepertimana kita menternak ikan di kolam-kolam temakan. Khasiatnya yang pelbagai di samping keperluan guna bahan yang boleh di manipulasikan daripada tubuh badannya menyebabkan usaha menternak belut menjadi salah satu cabang dalam perniagaan yang dapat memberi pulangan yang lumayan.

Oleh sebab itu, kami telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah syarikat yang menjalankan usaha menternak belut secara komersil. Kami berpendapat bahawa projek ini adalah perlu memandangkan jumlah belut yang terdapat di pasaran sekarang ini adalah terhad dan tidak dapat menampung permintaan yang semakin meningkat.

### MODAL

EEL WORLD memulakan perniagaan dengan menggunakan modal berbayar sebanyak RM 382,000. Modal ini diperolehi daripada sumbangan rakan kongsi yang berjumlah RM 184,000 dan RM 150,000 adalah melalui pinjaman bank sementara RM 48,000 melalui pinjaman sewabeli.

### LOKASI

Lokasi ladang ternakan kami yang dicadangkan adalah bertempat di Lot 607, Kg. Padang Keria, 02800, Kuala Sanglang, Perlis Indera Kayangan. Lokasi ini turut menempatkan kompleks pentadbiran, setor simpanan dan gudang penyelenggaraan.

Lokasi ini mempunyai jaringan perhubungan jalan raya yang menghubungkan Bandar Kangar dengan Bandar Alor Setar. Selain daripada itu, kawasan ini juga dilengkapi dengan sistem komunikasi dan mempunyai bekalan elektrik dan air yang mencukupi.

## PASARAN

Pada peringkat awal operasi, EEL WORLD hanya menekankan pasaran di peringkat negeri meliputi negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia seperti Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Bagaimanapun, setelah lima tahun beroperasi, kami menjangkakan pasaran kami adalah meliputi seluruh Semenanjung Malaysia. Oleh itu, pelbagai cara dan strategi akan dijalankan untuk menarik minat pengguna terhadap belut, samada sebagai menu makanan harian atau sebagai hasil pemprosesan belut.

## TREND

EEL WORLD adalah sebuah syarikat yang mengusahakan penternakan belut secara komersil dengan penggunaan alat-alat serta kaedah-kaedah penternakan yang terkini. Ini kerana kami mengutamakan mutu serta kualiti belut yang diternak.

## POTENSI UNTUK BERKEMBANG

Kami mempunyai keyakinan yang teguh dimana kami percaya bidang perniagaan yang kami ceburi ini mempunyai peluang yang cerah untuk berkembang maju. Ini adalah berdasarkan faktor-faktor berikut :

- **Keperluan Sumber Makanan**

Menjelang tahun 2010, dunia diramalkan akan mengalami krisis kekurangan makanan. Selain daripada itu, tahap pencemaran kesan daripada pembangunan yang melampau juga turut menjelaskan ekologi persekitaran dimana sunber-sumber asli makanan termasuk ikan turut pupus. Dengan itu, penduduk akan beralih kepada sumber protein lain yang mudah untuk didapati seperti belut. Belut-belut yang bermutu serta berkualiti tinggi seperti belut hasil ternakan kami akan menjadi pilihan ramai

kerana mereka mula menjadikan belut sebagai keperluan dalam pemakanan mereka sehari-hari.

- **Keperluan Sumber Kesihatan**

Pada masa kini, kebanyakannya kapsul perubatan diperbuat daripada bahagian kimia sintetik. Namun, kini kebanyakannya penduduk mulai sedar bahawa bahan kimia sintetik itu dapat menimbulkan kesan sampingan terhadap mereka pada masa hadapan. Oleh itu, mereka mula beralih kepada penggunaan bahan semulajadi seperti kulit belut dalam penghasilan kapsul perubatan. Selain daripada itu, permintaan terhadap sumber kalsium juga semakin meningkat akibat kempen mencegah penyakit osteomalasia oleh Kementerian Kesihatan. Ini menyebabkan industri penternakan belut semakin berkembang akibat permintaan terhadap tulang-tulang belut yang kaya dengan sumber kalsium untuk diproses dan dicampurkan dengan susu tepung.

## **PROMOSI**

Promosi yang hebat serta berterusan daripada pihak kami mampu untuk menarik minat orang ramai untuk menjadi pelanggan kami. Selain daripada itu, usaha giat pihak FAMA dan Jabatan Perikanan untuk mewujudkan budaya memakan belut sebagai makanan harian juga turut memajukan lagi perniagaan kami. Diantara strategi promosi kami ialah :

- Papan tanda dan logo
- Kad perniagaan
- Risalah serta katalog
- Iklan melalui media massa
- Pameran
- Ceramah